

UNIT


8

# JATA NEGARA



## Sinopsis

Jata Negara merupakan lambang rasmi kerajaan Malaysia. Jata Negara perlu dipelajari bagi memberikan pengetahuan dan pemahaman berkenaan salah satu identiti negara. Unit ini membincangkan sejarah Jata Negara, menyenaraikan lambang dan menerangkan makna lambang yang ada pada Jata Negara.



(Sumber: Warta Kerajaan Malaysia,  
20 September 1990)



## Apakah yang akan anda pelajari?

1. Sejarah Jata Negara.
2. Lambang pada Jata Negara.
3. Makna lambang pada Jata Negara.



## Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah


1. Memahami susunan dan konversi masa sejarah Jata Negara.
2. Memahami isu dan masalah masa lalu bagi meningkatkan kesedaran tentang pentingnya menghormati lambang kemegahan negara.



### NILAI TERAS SIVIK



Hormat-menghormati  
Bertanggungjawab



JPN 1403		
KEMAHIRAN MALAYSIA SKILL FOR MALAYSIA		
SUL KELAHIRAN BIRTH CERTIFICATE		
Kewal-Kewalan Pendaftran Kelahiran dan Kematian No. 1009   Kadet 1	No. Daftar	CK 38888
100924-14-0000	No. Surat	
KELAHIRAN / BIRTH		
Regstration Centre		
KANAK-KANAK / CHILD		
Tempat Kelahiran / Place of Birth		
Jantina / Gender		
Agama / Religion		
BAPA / FATHER		
Nama / Name		
No. Kad Pengenalan Identity Card No.	Umur / Age	Jenis dan No. Dokumen Lain Type and No. of Other Document
Tarikh Kelahiran Date and Time of Birth		
Keturunan Ancestry		
Tarif Kewarganegaraan Status of Citizenship	Jantina / Gender	Agama / Religion
Tarif Pendaftaran Status of Residence	Keturunan / Race	
	Ibu / MOTHER	
Nama / Name		
No. Kad Pengenalan Identity Card No.	Umur / Age	Jenis dan No. Dokumen Lain Type and No. of Other Document
Tarikh Kelahiran Date and Time of Birth		
Keturunan Ancestry		
Tarif Pendaftaran Status of Residence	Keturunan / Race	Agama / Religion
Alamat Tempat Tinggal Residence Address		
PEMKALUM / INFORMANT		
Nama / Name		
No. Kad Pengenalan Identity Card No.	Tarikh Pendaftran Date of Registration	Jenis dan No. Dokumen Lain Type and No. of Other Document
Disebutkan bahawa maklumat di atas adalah seperti yang dicatat dalam Daftar Kestiran. Confirm as a true extract from the Register of Births.		
Signature		
HILANGAN KERAS MALAYSIA APRESIATIF DAN AKURAT		

Lambang Jata Negara pada beberapa dokumen pengenalan diri.

(Sumber: Koleksi peribadi Ahmad Hishanuddin bin Ramlil)



## Kenali Jata Negara

Setiap negara mempunyai lambang negara masing-masing. **Jata Negara** merupakan lambang rasmi kebesaran dan kedaulatan Malaysia. Jata Negara juga merupakan simbol perpaduan, kemegahan dan identiti rakyat Malaysia.

Wah, cantik sungguh binaan bangunan di Putrajaya ini! Tetapi, mengapakah hampir semuanya mempunyai lambang yang sama?

Itulah Jata Negara. Selain pejabat kerajaan, Jata Negara juga terdapat pada pelbagai dokumen rasmi. Kita perlu menghormatinya.




### Glosari

**Jata:** Lambang kebesaran negeri atau negara.



### Cepat Jawab

Mengapakah kita perlu menghormati Jata Negara?



Cikgu, mengapakah kita perlu menghormati Jata Negara?

Kita perlu menghormatinya kerana Jata Negara merupakan identiti dan lambang kebesaran negara.

### TAHUKAH ANDA?

Wilayah Persekutuan Putrajaya ialah pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan Malaysia.

9.I.I  
K9.I.4


Nota  
Guru

Bimbing murid menyatakan kepentingan menghormati Jata Negara.



## Sejarah Jata Negara

Jata Negara diperkenankan oleh raja-raja Melayu dan menjadi kemegahan seluruh rakyat Malaysia. Jata Negara melalui beberapa perubahan dari semasa ke semasa.



1

Seronoknya kamu dapat menyertai lawatan ke Putrajaya. Saya dengar pada bangunan kerajaan terdapat banyak lambang Jata Negara. Bagaimanakah sejarah Jata Negara?

2


Memang seronok, Stephanie. Seperti yang diterangkan dalam buku ini, Jata Negara diperkenalkan pada tahun 1948 dengan memaparkan lambang lima bilah keris, lambang Pulau Pinang, Melaka serta empat warna di dalam petak, iaitu putih, merah, hitam dan kuning pada sebuah perisai yang disokong oleh dua ekor harimau. Di atas perisai tersebut, terdapat lambang bintang pecah 11 serta bulan sabit berwarna kuning. Di bawah perisai terdapat cogan kata “**Bersekutu** Bertambah Mutu” yang ditulis dalam tulisan Jawi dan bahasa Inggeris.



### Glosari

**Bersekutu:** Bersatu antara satu dengan yang lain supaya menjadi lebih kuat.

**Realistik:** Menunjukkan keadaan yang sebenarnya.



(Sumber: Arkib Negara Malaysia, 2017. *Persekutuan Tanah Melayu 1948: Asas Negara Merdeka*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia)

**3** Betul, Alya. Pada tahun 1963, Jata Negara diubah selepas penubuhan Malaysia. Lambang Singapura, Sarawak dan Sabah diletakkan di sebelah bawah pada perisai tersebut. Lambang negeri Melaka diubah kepada pokok melaka. Cogan kata “Bersekutu Bertambah Mutu” juga diubah kepada bahasa Melayu.

**4** Pada tahun 1965, Jata Negara mengalami sedikit perubahan dengan pengguguran lambang Singapura dan digantikan dengan lambang bunga raya.

Jata Negara yang dapat kita lihat sekarang telah dikemas kini pada lambang negeri Pulau Pinang. Rekaan dua ekor harimau diubah kepada yang lebih **realistik**. Perubahan dilakukan pada lambang negeri Sarawak dan Sabah. Bintang pecah 14, bulan sabit, lima bilah keris, pokok melaka, empat warna, iaitu putih, merah, hitam dan kuning di dalam petak serta cogan kata dikekalkan.

### Cepat Jawab

Mengapa Jata Negara diubah pada tahun 1963?



Jata Negara ialah lambang kebesaran yang perlu dihormati dan dihargai supaya kedaulatan negara dapat dipertahankan.



Nota Guru

Bimbing murid memahami sejarah Jata Negara.



## Lambang dan Makna pada Jata Negara

Jata Negara merupakan identiti negara. Lambang pada Jata Negara juga menjadi simbol perpaduan dan kebanggaan seluruh warganegara. Jata Negara berbentuk perisai yang disokong oleh dua ekor harimau. Reka bentuk ini juga mempunyai beberapa lambang yang lain. Setiap lambang dan warna mempunyai maksud yang tersendiri.



Bintang pecah 14 melambangkan perpaduan 13 buah negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam Malaysia.

Lambang bulan sabit dan bintang bermaksud Islam sebagai agama Persekutuan Malaysia.



Dua ekor harimau yang melambangkan keberanian.



Lima bilah keris pada perisai melambangkan negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor yang dahulunya dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.



Empat jalur warna di tengah-tengah perisai merujuk Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Warna merah dan kuning melambangkan negeri Selangor, warna hitam dan putih melambangkan negeri Pahang. Warna hitam, putih dan kuning melambangkan negeri Perak, manakala warna merah, hitam dan kuning melambangkan Negeri Sembilan.




### Cepat Jawab


Apakah makna lambang dua ekor harimau pada Jata Negara?



Di bahagian kiri perisai, terdapat sebatang pokok pinang dan jambatan yang mewakili negeri Pulau Pinang.



Di bahagian kanan perisai, terdapat sebatang pokok melaka yang mewakili negeri Melaka.



Negeri Sarawak dan negeri Sabah dilambangkan dengan jata negeri masing-masing. Di antara kedua-dua lambang tersebut terdapat sekuntum bunga raya yang melambangkan bunga kebangsaan negara kita.



Cogan kata “Bersekutu Bertambah Mutu” yang bermaksud semangat permuafakatan akan mempererat perpaduan antara rakyat di Malaysia.



Nyatakan kepentingan Jata Negara sebagai identiti negara.



### AKTIVITI

Secara berkumpulan, lukis jata kumpulan anda yang mempunyai lambang, warna dan cogan kata tersendiri di atas kad manila. Persembahkan jata kumpulan anda secara kreatif.

Setiap lambang dan warna pada Jata Negara mewakili sesuatu maksud. Lambang-lambang ini menjadikan Jata Negara unik dan bermakna.



## Bersekutu Bertambah Mutu

Cogan kata pada Jata Negara ditulis dalam tulisan Rumi dan Jawi. "Bersekutu Bertambah Mutu" membawa maksud yang penting kepada seluruh rakyat Malaysia. Cogan kata ini menyeru seluruh warganegara untuk bermuafakat dan bekerjasama bagi melahirkan negara yang sejahtera dan gemilang. Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu menghayati serta mengamalkan cogan kata Jata Negara.



Gambar menunjukkan cogan kata pada Jata Negara.

Secara berkumpulan, kaji cogan kata tersebut.

1. Dengan merujuk pelbagai sumber, kumpulkan maklumat berkenaan dengan kepentingan menghayati dan mengamalkan cogan kata pada Jata Negara.
2. Catatkan dapatan maklumat secara kreatif di atas kertas atau menggunakan multimedia.
3. Bentangkan hasil dapatan kumpulan anda.


Lambang dan makna pada Jata Negara perlulah difahami agar kita dapat menghayati serta mengamalkannya dalam kehidupan harian. Penghayatan cogan kata pada Jata Negara mengukuhkan lagi keharmonian dalam masyarakat.

### Kenali Jata Negara

- Lambang rasmi kerajaan Malaysia
- Sebagai identiti negara
- Lambang kedaulatan
- Simbol perpaduan



### Sejarah Jata Negara



### Lambang dan Makna Lambang pada Jata Negara

- Setiap lambang dan warna mempunyai maksud tersendiri.



Melambangkan perpaduan 13 buah negeri dan Kerajaan Persekutuan serta agama Islam sebagai agama Persekutuan Malaysia.



Lima bilah keris mewakili Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu



Empat warna mewakili Negeri-negeri Melayu Bersekutu



Melambangkan keberanian



Mewakili negeri Pulau Pinang



Mewakili negeri Melaka



Mewakili negeri Sarawak, bunga kebangsaan dan negeri Sabah



Cagan Kata “Bersekutu Bertambah Mutu”

Unit ini memberikan pemahaman tentang sejarah serta kepentingan Jata Negara. Unit seterusnya murid akan mempelajari dan memahami sejarah serta kepentingan bendera kebangsaan.



## FIKIR DAN JAWAB

Surih Jata Negara di bawah dalam buku latihan dan jawab semua soalan.



- 1 Jata Negara dapat dilihat pada \_\_\_\_\_.
  - (a) bangunan kerajaan
  - (b) rumah kediaman
  - (c) pasar raya
- 2 Lambang bulan sabit dan bintang berwarna kuning bermaksud \_\_\_\_\_.
  - (a) Islam agama Persekutuan Malaysia
  - (b) permufakatan antara rakyat
  - (c) melambangkan keberanian
- 3 Bunga raya melambangkan \_\_\_\_\_.
  - (a) bunga perpaduan
  - (b) bunga kerajaan
  - (c) bunga kebangsaan
- 4 Cogan kata Jata Negara ialah \_\_\_\_\_.
  - (a) "Muafakat Membawa Berkat"
  - (b) "Bersedia, Berkhidmat, Berbakti"
  - (c) "Bersekutu Bertambah Mutu"
- 5 Mengapakah kita perlu berbangga dengan Jata Negara?
  - (a) Lambang kebesaran negara
  - (b) Lambang kepatuhan negara
  - (c) Lambang kesetiaan negara

## CINTA AKAN NEGARA



Mengetahui dan menghayati kepentingan Jata Negara dapat melahirkan masyarakat yang bersatu padu serta sentiasa berusaha ke arah kebaikan. Kita perlu berbangga dengan Jata Negara.



Perpaduan dapat melahirkan masyarakat yang cemerlang.  
(Sumber: Koleksi peribadi Ahmad Hishanuddin bin Ramli)

### Diri

Berbangga dengan identiti negara membolehkan kita mempunyai semangat patriotik yang jitu dan sentiasa berusaha ke arah yang lebih baik.

### Masyarakat

Masyarakat yang menghayati dan mengamalkan cogan kata Jata Negara dapat melahirkan generasi yang bersatu padu dan cemerlang.

### Negara

Generasi yang bersatu padu dan cemerlang dapat memacu negara ke arah yang terbilang.



UNIT  
9

# BENDERA KEBANGSAAN MALAYSIA



Kibaran bendera kebangsaan melambangkan kebanggaan rakyat Malaysia.

(Sumber: Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia, Noor Emry Liana binti Daud, Muslim bin Haji Tamsir, Danish Irfan bin Muslim)



## Sinopsis

Bendera kebangsaan ialah lambang kemegahan sesebuah negara. Mengetahui dan memahami identiti bendera kebangsaan dapat memupuk rasa bangga terhadap negara. Unit ini akan membincangkan sejarah, nama, maksud warna dan lambang serta etika menaikkan dan menurunkan bendera kebangsaan.



## Apakah yang akan anda pelajari?

1. Sejarah bendera kebangsaan.
2. Nama bendera kebangsaan.
3. Makna warna dan lambang pada bendera kebangsaan.
4. Etika penggunaan bendera kebangsaan.



### NILAI TERAS SIVIK



Bertanggungjawab



## Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

1. Meneroka bukti sejarah bendera kebangsaan.
2. Mengembangkan kreativiti berdasarkan makna warna dan lambang pada bendera kebangsaan.
3. Membuat imaginasi secara visual tentang etika penggunaan bendera kebangsaan.



## Sejarah Bendera Negara Kita

Bendera kebangsaan merupakan identiti negara dan menjadi lambang kemegahan rakyat. Bendera kebangsaan menjadi simbol penyatuan setiap individu tanpa mengira kaum dan agama. Sebagai warganegara yang patriotik, kita perlu mengetahui dan memahami sejarah penciptaan bendera kebangsaan negara kita.

1

Pada tahun 1949, Majlis Perundungan Persekutuan menganjurkan pertandingan mereka cipta bentuk bendera Persekutuan Tanah Melayu.

2

Pada tahun 1949, keputusan akhir diumumkan dalam akhbar *The Malay Mail*. Tiga rekaan bendera dipilih pada peringkat akhir.

3



### Bendera rekaan Encik Mohamed bin Hamzah

- Rekaan Encik Mohamed bin Hamzah, iaitu seorang arkitek Jabatan Kerja Raya Johor dipilih sebagai rekaan yang terbaik.
- Mengandungi 11 jalur berwarna biru dan putih.
- Terdapat bulan sabit dan bintang pecah lima.

Encik Mohamed bin Hamzah dilahirkan di Singapura pada 5 Mac 1918. Beliau mendapat pendidikan awal di English College, Johor Bahru. Beliau meninggal dunia pada 19 Februari 1993.




### TAHUKAH ANDA?

Sebanyak 373 penyertaan diterima dalam pertandingan mereka cipta bentuk bendera Persekutuan Tanah Melayu.




### Cepat Jawab

Siapakah yang mereka cipta bentuk bendera Persekutuan Tanah Melayu?

**4**


### Reka bentuk yang dipinda

- Beberapa pindaan dibuat terhadap rekaan bendera Encik Mohamed bin Hamzah.
- Jalur warna biru ditukar kepada warna merah.
- Mengandungi 11 jalur berwarna merah dan putih.

**5**

### Bendera Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1950

- Pada April 1950, rekaan bendera Persekutuan Tanah Melayu diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan.
- Mengandungi 11 jalur.
- Terdapat bintang pecah 11.

**6**

### Bendera Malaysia sejak tahun 1963

- Pada 26 Mei 1950, pertama kali bendera Persekutuan Tanah Melayu dikibarkan di pekarangan Istana Sultan Selangor.
- Pada 16 September 1963, bendera kebangsaan mengandungi 14 jalur.
- Terdapat bintang pecah 14.

(Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

Memahami sejarah dan kronologi penciptaan bendera kebangsaan membolehkan kita menghargai kreativiti serta usaha pemimpin terdahulu.

#### TAHUKAH ANDA?



Rekaan Encik Mohamed bin Hamzah dipilih kerana mengandungi unsur-unsur perlambangan agama Islam, raja dan perpaduan.

q.2.1



#### AKTIVITI

Bandingkan bendera kebangsaan rekaan Encik Mohamed bin Hamzah dengan bendera kebangsaan selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963.



## Jalur Gemilang Bendera Kita

Bendera kebangsaan ialah lambang identiti negara dan menjadi kebanggaan rakyat. Kita perlulah mengetahui nama dan memahami maksud nama bendera kebangsaan Malaysia.

1 Siapakah yang tahu nama bendera kebangsaan kita?

2 Saya tahu, cikgu. Nama bendera kebangsaan kita ialah Jalur Gemilang. Nama ini diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang keempat, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad bersempena dengan hari kemerdekaan negara yang ke-40 pada 31 Ogos 1997.

3 Bagus maklumat anda. Tetapi, mengapa bendera kebangsaan ini dinamakan Jalur Gemilang?



7 Cikgu bangga mendengar perbualan anda semua. Bukan sahaja tahu tentang sejarah dan makna nama Jalur Gemilang, tetapi tahu juga akan kepentingan mengibarkan bendera kebangsaan.

4

Nama Jalur Gemilang diberi kerana bendera kita mempunyai 14 jalur. Jalur bermaksud satu haluan yang sama untuk menuju kegemilangan bangsa dan negara.

### Cepat Jawab

Bilakah bendera kebangsaan kita dinamakan Jalur Gemilang?

## JALUR GEMILANG

5

Gemilang pula bermaksud bercahaya dan cemerlang. Kita sebagai murid perlu belajar dan berusaha untuk memajukan negara.



Lagu Jalur Gemilang.



Walau di mana-mana kita berada, kita harus berbangga untuk mengibarkan bendera kebangsaan kita.

6

Betul, Ah Chong. Mengibarkan bendera kebangsaan menjadi bukti kita sayang dan bersyukur menjadi rakyat Malaysia.



Apakah kepentingan mengibarkan bendera kebangsaan?

9.2.2  
K9.2.5



- Bimbing murid memahami kepentingan mengibarkan Jalur Gemilang.
- Bimbing murid menyanyikan lagu *Jalur Gemilang* dengan bersemangat.

Merahmu bara semangat waja  
Putihmu bersih budi pekerti  
Kuning berdaulat payung negara  
Biru perpaduan kami semua



Puncak dunia telah kautawan  
Lautan luas telah kauredah  
Membawa semangat jiwa merdeka  
Semarak jaya kami warganya



Empat belas melintang jalurnya  
Semua negeri dalam Malaysia  
Satu suara satu semangat  
Itu sumpah warga berdaulat

Jalur Gemilang ...  
di bawah naunganmu  
Jalur Gemilang ...  
kami semua bersatu  
Perpaduan ketaatan  
Amalan murni rakyat Malaysia



Jalur Gemilang ...  
megah kami terasa  
Jalur Gemilang ...  
kibarkanlah wawasan  
Merah putih biru kuning  
Jalur semangat kami semua

Berkibarlah  
Berkibarlah  
Berkibarlah  
Jalur Gemilang!

Lagu: Suhaimi Mohd Zain  
Lirik: Syed Indera Syed Omar

Jalur Gemilang ialah nama bendera kebangsaan. Menyanjungi dan menghormati Jalur Gemilang menjadi tanggungjawab semua warganegara.



### AKTIVITI

Nyanyikan lagu *Jalur Gemilang* dengan penuh semangat sambil mengibarkan bendera kebangsaan Malaysia.



# Kenali Identiti Jalur Gemilang

Setiap warna dan lambang pada bendera kebangsaan mempunyai makna yang tertentu. Sebagai warganegara yang cinta akan negara, kita perlu mengetahui, menghayati dan menghormati setiap makna tersebut.

## Warna Kuning

- Melambangkan kesetiaan kepada raja dan negara.
- Melambangkan kedaulatan Raja Berperlembagaan.

## Warna Biru Tua


- Melambangkan perpaduan rakyat yang berbilang kaum.
- Bersatu padu dan berusaha memajukan ekonomi.

## Warna Putih

- Melambangkan kesucian dan keikhlasan.
- Melambangkan kesungguhan bagi mempertingkatkan ketahanan rakyat yang beradab.

## Warna Merah

- Melambangkan keberanian dan kegigihan rakyat menghadapi cabaran.



## Bulan Sabit

- Melambangkan agama Islam sebagai agama Persekutuan Malaysia.

## Bintang Pecah 14 dan 14 Jalur

- Melambangkan perpaduan 13 buah negeri dan Kerajaan Persekutuan.



Menghayati maksud dan lambang pada bendera kebangsaan menjadikan kita sebagai seorang warganegara yang bertanggungjawab terhadap keharmonian serta kemajuan negara.



### Cepat Jawab

Apakah makna bulan sabit pada bendera kebangsaan kita?



**JOM BUAT**


## CAPAN BENDERA KEBANGSAAN

### Alatan dan Bahan



### Cara Membuat:

**1**



Gunakan putik kapas untuk mewarnakan lakaran bendera kebangsaan.

**3**



Capan bendera kebangsaan yang telah siap.

**2**




Lekatkan lidi pada hasil capan.




## Format Bendera Harmoni Negara

Bendera kebangsaan ialah lambang kedaulatan dan kebesaran negara. Mengibarkan bendera kebangsaan dapat menyemarakkan semangat patriotik. Kita hendaklah menghormati bendera kebangsaan pada setiap masa. Terdapat beberapa etika penggunaan bendera kebangsaan yang perlu kita patuhi.



Bendera kebangsaan dalam bentuk gegantung, kedudukan bulan sabit dan bintang mestilah diletakkan menghala ke atas dan jalur membujur di bahagian bawah.



Bendera kebangsaan yang dipamerkan atau dilukis pada dinding mestilah diletakkan bulan sabit dan bintang di bahagian kiri apabila dipandang dari hadapan.

Apabila dijadikan latar belakang tempat berucap, bendera kebangsaan mestilah diletakkan lebih tinggi dan di belakang orang yang berucap.



Sekiranya bendera diarak sebaris semasa perarakan, bendera kebangsaan hendaklah mendahului bendera-bendera lain.

(Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2017)



Mengapa kita perlu menghormati bendera kebangsaan negara kita?

# Etika Menaikkan dan Menurunkan Bendera Kebangsaan

Individu yang melanggar **etika** penggunaan bendera kebangsaan boleh dikenakan tindakan undang-undang. Masyarakat perlulah mengetahui dan mematuhi etika tersebut termasuklah etika menaikkan dan menurunkan bendera kebangsaan.



- 1 Berpakaian kemas.
- 2 Pastikan bendera tidak meleret ke tanah.
- 3 Pastikan bendera berada dalam keadaan baik.
- 4 Pastikan tali bendera kuat dan tidak mudah putus.



- 5 Bendera hendaklah dinaikkan dan diturunkan secara perlahan-lahan dengan tertib.
- 6 Semasa **berkabung**, bendera hendaklah dinaikkan sepenuhnya dan kemudian diturunkan semula ke separuh tiang.
- 7 Apabila bendera sampai ke bawah, bendera hendaklah ditatang atau diletakkan di bahu.



Bendera kebangsaan merupakan simbol perpaduan setiap warganegara walaupun mereka berada di luar negara. Sebagai tanda hormat dan bangga terhadap bendera kebangsaan, masyarakat perlulah mengetahui serta mengamalkan etika penggunaannya dengan betul.

## TAHUKAH ANDA?



Bendera yang koyak dan lusuh perlu dilupuskan secara tertib. Caranya adalah dengan membakar bendera tersebut secara tertutup.



Bendera separuh tiang.



Mengapa bendera kebangsaan dijadikan sebagai lambang perpaduan?



## AKTIVITI

Simulasikan etika menaikkan dan menurunkan bendera kebangsaan di sekolah anda.

9.2.4  
K9.2.7

Nota  
Guru

Bimbang murid melakukan simulasikan ketika menaikkan dan menurunkan bendera kebangsaan dengan betul.

## Glosari



**Etika:** Garis panduan yang harus dipatuhi.

**Berkabung:** Tanda bersedih atas kemangkatan raja atau peristiwa tertentu.



## Bendera Kebangsaan Negara Asia Tenggara

Bendera kebangsaan merupakan identiti sesebuah negara yang merdeka. Kita harus mengenali dan menghormati bendera negara lain demi keamanan sejagat.



Malaysia



Thailand



Singapura



Indonesia



Myanmar



Brunei Darussalam



Kemboja



Timor Leste



Laos



Vietnam



Filipina

Mengenali bendera kebangsaan negara lain dapat menambahkan ilmu pengetahuan seseorang pada peringkat global.



### AKTIVITI PAK-21

### Kerja Berkumpulan (Team Project)

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan perlu mereka cipta bentuk, menamakan dan menghuraikan makna lambang pada bendera kumpulan masing-masing.
3. Bentangkan hasil tugas kumpulan anda.

## Sejarah Bendera Negara Kita

Reka bentuk diilhamkan oleh Encik Mohamed bin Hamzah. Pertama kali bendera Persekutuan Tanah Melayu dikibarkan pada 26 Mei 1950 di pekarangan Istana Sultan Selangor.



## Jalur Gemilang Bendera Kita

Nama Jalur Gemilang diumumkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada hari kemerdekaan negara yang ke-40, iaitu pada 31 Ogos 1997.

### Kenali Identiti Jalur Gemilang

- |                  |   |
|------------------|---|
| Merah            | - Keberanian dan kegigihan.                         |
| Putih            | - Kesucian dan keikhlasan.                          |
| Kuning           | - Kesetiaan kepada raja dan negara.                 |
| Biru tua         | - Perpaduan rakyat.                                 |
| Bulan sabit      | - Islam sebagai agama Persekutuan Malaysia.         |
| Bintang pecah 14 | - Perpaduan 13 buah negeri dan Kerajaan Persekutuan |
| dan 14 jalur     |   |



## Hormat Bendera Harmoni Negara

Memastikan kedudukan bendera betul sebelum dipamerkan. Etika menaikkan dan menurunkan bendera juga perlu dipatuhi.

## Bendera Kebangsaan Negara Asia Tenggara

Kita hendaklah menghormati bendera kebangsaan negara lain demi keamanan sangat.




Unit ini memberikan pemahaman tentang kepentingan bendera kebangsaan sebagai simbol perpaduan. Murid akan mempelajari dan memahami lagu kebangsaan dalam unit seterusnya.



## FIKIR DAN JAWAB

- A Tulis maksud warna pada bendera kebangsaan.



Biru Tua:


Merah:

Kuning:

Putih:



- B Nyatakan etika penggunaan bendera kebangsaan.



- C Hasilkhan sebuah puisi yang bertemakan bendera kebangsaan.

## CINTA AKAN NEGARA



Mengetahui sejarah, makna dan lambang pada bendera kebangsaan mendorong kita untuk mendaulatkan identiti negara. Kita mestilah berbangga melihat Jalur Gemilang berkibar di Malaysia dan di persada antarabangsa.

### Diri

Menghormati bendera kebangsaan merupakan satu cara untuk kita menunjukkan rasa cinta akan negara.

### Masyarakat

Masyarakat yang memahami dan menghayati makna, warna dan lambang Jalur Gemilang akan sentiasa menghormati bendera kebangsaan walau di mana-mana mereka berada.



### Negara

Bendera kebangsaan perlu dihormati sebagai lambang kemegahan negara.



Mengibarkan Jalur Gemilang dapat memupuk semangat patriotik dalam kalangan murid.  
(Sumber: Koleksi peribadi Hasfalila binti Hassan)

UNIT  
10

# LAGU KEBANGSAAN MALAYSIA



## Sinopsis

Lagu kebangsaan perlu dipelajari supaya kita dapat mengenali identiti negara. Unit ini akan membincangkan sejarah dan nama lagu kebangsaan Malaysia, menerangkan lirik dan maksud lagu *Negaraku*, menjelaskan etika nyanyian lagu kebangsaan serta menghuraikan peranan lagu kebangsaan untuk membentuk jati diri.



### NILAI TERAS SIVIK



Bertanggungjawab  
Hormat-menghormati

(Sumber: Koleksi peribadi Hasfalila binti Hassan)



## Apakah yang akan anda pelajari?

1. Sejarah penciptaan lagu kebangsaan Malaysia.
2. Nama lagu kebangsaan Malaysia.
3. Lirik dan maksud lagu *Negaraku*.
4. Etika menyanyikan dan mendengar lagu kebangsaan.
5. Peranan lagu kebangsaan untuk membentuk jati diri.



## Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

1. Meneroka bukti sejarah penciptaan lagu kebangsaan Malaysia.
2. Membuat imaginasi berdasarkan perasaan tentang lirik dan maksud lagu *Negaraku*.
3. Membuat imaginasi secara visual ketika bernyanyi dan mendengar lagu kebangsaan.



Semangat patriotik dan perpaduan dalam kalangan murid dapat dipupuk melalui nyanyian lagu kebangsaan.



# Sejarah Lagu Kebangsaan Malaysia

Negaraku ialah lagu kebangsaan Malaysia. Lagu kebangsaan merupakan simbol kedaulatan dan perpaduan sesebuah negara. Sejarah penciptaan lagu kebangsaan negara kita bermula pada tahun 1957. Sebagai rakyat yang cinta akan negara, kita haruslah mengetahui sejarah lagu kebangsaan.

## PAMERAN SEJARAH LAGU KEBANGSAAN

Cadangan untuk mencipta lagu kebangsaan timbul ketika negara bersiap sedia untuk menyambut hari kemerdekaan pada tahun 1957. Lagu kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu belum wujud ketika itu.

Satu pertandingan mencipta lagu kebangsaan diadakan. Sebanyak 514 penyertaan diterima daripada peserta dari dalam dan luar negara.

Farah, setiap kali perhimpunan rasmi, kita mesti menyanyikan lagu *Negaraku*. Baru hari ini saya tahu sejarah terciptanya lagu kebangsaan kita.

Mei Yee, hebat sungguh usaha pemimpin dan individu terdahulu yang mempersiapkan negara kita menuju hari kemerdekaan.



### Cepat Jawab

Di manakah pertama kali lagu *Negaraku* diperdengarkan?



### AKTIVITI

Secara berkumpulan, kaji sejarah lagu sekolah anda dengan menggunakan pelbagai sumber.

Namun demikian, Jawatankuasa Pemilihan Lagu Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj tidak menemukan sebuah lagu yang sesuai untuk dijadikan lagu kebangsaan.

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengesyorkan supaya irama lagu kebesaran negeri Perak dijadikan lagu kebangsaan.

Bagi lirik lagu kebangsaan, Jawatankuasa Pemilihan mengambil beberapa baris sajak yang dihantar oleh orang ramai.

## Lagu kebangsaan: Perak bangga dengan pilehan

IPOH, Thalatha FENDUDOK2 negeri Perak haji ini telah mendahului kehadiran lagu kebangsaan negara mengenai berita tentang pengantikan bahwa lagu kebangsaan negeri itu telah di-shorikan sebagai lagu kebangsaan bagi Malaysia Merdeka.

Irche Hussein bin Noordin, seorang usaha Jawatankuasa Pe-rikatan Perak: "Kami berasa bangga yang lagu kebangsaan negeri Perak telah di-pileh dari pada beberapa banyak gubahan yang di-hantar sebagai lagu kebangsaan bagi negeri kita yang merdeka."

Beberapa orang Keluarga diraja Perak berkata bahawa sunnah pun menjadikannya suatu kehormatan yang besar bagi negeri itu yang lagu kebangsaan itu yang lagu kebangsaan yang di-pileh bagi Mala-ya Merdeka, tetapi mereka enggan berpisah dengan-nya atau "sebab2 perasaan" dan kaitan-nya dengan sejarah negeri itu.

Sa-orang pegawai kanan kerajaan berkata bahawa soal lagu kebangsaan itu belum lagi dibangkitkan pada perengkat kerajaan.

(Sumber: Berita Harian, 7 Ogos 1957)

Lagu Negaraku telah diperdengarkan buat pertama kali di Padang Kelab Selangor atau kini dikenali sebagai Dataran Merdeka pada malam 30 Ogos 1957.

Pada malam tersebut, bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan dengan diiringi lagu kebangsaan, iaitu lagu Negaraku.



Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan pada malam 30 Ogos 1957.

Tak kenal maka tak cinta. Oleh itu, kita perlulah menghayati lagu kebangsaan Malaysia supaya kita lebih berbangga dan menghargai negara.



Lagu kebesaran negeri Perak.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia, 2013. *Citra Merdeka 1957–2007*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia)

Mengetahui sejarah lagu kebangsaan dapat memupuk sikap bangga terhadap kebijaksanaan pemimpin negara.



Nota  
Guru

Bimbing murid memahami sejarah lagu kebangsaan Malaysia dan mengkaji sejarah lagu sekolah.



## Negaraku Lagu Kebangsaan Malaysia

Setiap negara mempunyai lagu kebangsaan yang menjadi identiti negara tersebut. Lagu kebangsaan sesebuah negara lazimnya mempunyai nama rasmi yang tersendiri.

1

Sebelum kita memulakan latihan koir, apakah yang anda peroleh daripada lawatan ke Pameran Sejarah Lagu Kebangsaan minggu lepas?

2

Hasil daripada lawatan tersebut, kami tahu akan sejarah lagu kebangsaan Malaysia.

3

Betul kata kamu, Amirtha. Melalui lawatan tersebut, kini saya tahu lagu *Negaraku* dicipta pada tahun 1957 bersempena dengan tahun kemerdekaan negara kita.

4

Sebelum merdeka, apakah pula lagu kebangsaan kita?

### AKTIVITI PAK-21

#### Main Peranan (Role-Play)

Berdasarkan dialog di atas, lakonkannya.

### Glosari

**Patriotisme:** Perasaan cinta yang kuat terhadap negara.

5 Sebelum merdeka, lagu kebangsaan negara kita ialah lagu kebangsaan British, iaitu *God Save the Queen*.

6 Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu memahami dan menjiwai maksud lirik lagu kebangsaan.

7 Betul, Ranjit. Apabila kita memahami dan menghayati maksud lirik lagu tersebut, perasaan cinta akan negara pasti dapat dipupuk.

8 Ya, Riko. Selain itu, kita perlu menyanyikan lagu *Negaraku* dengan etika yang betul seperti berdiri tegak sebagai tanda menghormati lagu kebangsaan.

Lagu kebangsaan yang dinyanyikan secara beramai-ramai mampu menyemarakkan **patriotisme** rakyat.



### Cepat Jawab

Apakah nama lagu kebangsaan negara kita?



Bagaimanakah nyanyian lagu kebangsaan dapat menyemarakkan semangat patriotik?

9.3.2  
K9.3.6  
K9.3.7



Bimbing murid melakonkan dialog.





## Menghayati Maksud Lagu Kebangsaan

Lagu kebangsaan memaparkan hasrat dan harapan rakyat terhadap sesebuah negara. Sebagai individu yang bangga dengan negara, kita perlu memahami dan menghayati lirik lagu kebangsaan Malaysia.

### Negaraku

Negaraku  
Tanah tumpahnya darahku  
Rakyat hidup  
Bersatu dan maju

Rahmat bahagia  
Tuhan kurniakan  
Raja kita  
Selamat bertakhta

Rahmat bahagia  
Tuhan kurniakan  
Raja kita  
Selamat bertakhta



Kita perlu menunjukkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada raja dan negara.

### AKTIVITI PAK-21 Peta Pemikiran (Thinking Map)

- Berdasarkan penghayatan anda terhadap maksud lirik lagu *Negaraku*, gunakan peta pemikiran yang sesuai berdasarkan penyataan “Saya bangga menjadi rakyat Malaysia kerana ...”
- Bentangkan hasil tugas anda.



### Cepat Jawab

Nyatakan lirik pada baris keempat dalam lirik lagu kebangsaan.



Mengapa kita perlu menghayati maksud lirik lagu kebangsaan?



Nota Guru

Bimbang murid memahami dan menghayati maksud lirik lagu *Negaraku*.



Kita harus berpegang teguh pada ajaran agama dan taat kepada perintah Tuhan.

(Sumber: Koleksi peribadi Hasfalila binti Hassan)



Kita hendaklah mempunyai cita-cita dan berusaha untuk mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang.



Angkasawan Negara.

(Sumber: Koleksi peribadi Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Al Masrie bin Sheikh Mustapha)




Kita perlulah hidup bersatu padu dan saling menghormati kepelbagaian kaum serta agama yang wujud di Malaysia.



(Sumber: *Malaysia Dateline*, 23 Ogos 2019)



Kita haruslah bersyukur kerana lahir di sebuah negara yang indah, aman dan merdeka.



(Sumber: Sipadan.com)

Menghayati dan memahami maksud lirik lagu *Negaraku* mendorong kita untuk mencapai kemajuan, perpaduan serta mentaati raja agar negara Malaysia kekal sejahtera.



## Etika Nyanyian Lagu Kebangsaan

Lagu kebangsaan mempunyai beberapa etika ketika menyanyikannya. Etika ini perlu dipatuhi dan diamalkan agar matlamat untuk menyemai semangat patriotik serta membentuk jati diri masyarakat dapat dicapai.

1

### Kedudukan Fizikal Semasa Nyanyian

- ✓ Berdiri tegak.
- ✓ Kedua-dua belah tangan diletakkan di sisi dan diluruskan ke bawah.
- ✓ Kedua-dua belah kaki dirapatkan.



2

### Suara dan Penghayatan Semasa Nyanyian

- ✓ Menyanyi secara jelas dan serentak.
- ✓ Menyebut lirik lagu dengan betul dan bersemangat.
- ✓ Menghayati lirik lagu.
- ✓ Tidak bermain-main semasa bernyanyi.

3

### Bagi Murid yang Datang Lewat ke Sekolah

- ✓ Berhenti berjalan apabila mendengar nyanyian lagu kebangsaan.
- ✓ Hendaklah meletakkan beg di sisi kaki.
- ✓ Berdiri tegak.



4

### Bagi Orang Kurang Upaya (OKU)

- ✓ Bagi yang berkerusi roda, kepala mesti tegak.
- ✓ Mata memandang bendera.
- ✓ Kedua-dua tangan di atas paha.
- ✓ Kaki dirapatkan.



Sebagai penghormatan terhadap lagu kebangsaan, kita perlulah menyanyikan lagu ini dengan penuh etika dan penghayatan.



### TAHUKAH ANDA?

Seseorang boleh didenda tidak melebihi RMI100 atau dipenjara tidak melebihi satu bulan jika didakwa atas kesalahan tidak menghormati lagu Negaraku.



### AKTIVITI

Lakonkan etika menyanyikan lagu Negaraku dengan memasukkan watak murid yang datang lewat ke sekolah.



Nyatakan kepentingan mengamalkan etika menyanyi dan mendengar lagu kebangsaan.





## Lagu Negaraku Membentuk Jati Diri

Memahami dan menghayati lirik lagu kebangsaan dapat mewujudkan semangat untuk berjaya. Matlamat nyanyian lagu kebangsaan adalah untuk membentuk jati diri masyarakat Malaysia.

Melahirkan warganegara yang taat setia kepada raja dan negara.



Melahirkan warganegara yang berusaha memajukan diri dan bercita-cita tinggi untuk berjaya.



Memupuk rasa cinta akan negara, berbangga dan bersyukur menjadi rakyat Malaysia.



Memupuk perpaduan dan menghormati kepelbagaian kaum, agama serta budaya yang wujud di Malaysia.

Pemahaman tentang lagu kebangsaan dapat menyuntik semangat perpaduan dan perasaan sayang akan tanah air dalam kalangan masyarakat Malaysia.



### AKTIVITI

Catatkan tiga usaha yang kamu lakukan untuk membentuk jati diri.

9.3.5  
K9.3.7  
K9.3.8



Bimbang murid memahami peranan lagu kebangsaan untuk membentuk jati diri.






**Alatan dan bahan** Kad cantum dan gunting.

**Peserta** Berpasangan atau berkumpulan.

## Langkah permainan

- 1 Imbas dan selesaikan soalan yang tercatat pada set kad cantum.
  - 2 Cantumkan soalan dengan jawapannya.
  - 3 Imbas set bentuk permata untuk semak jawapan.



### Contoh:



Set kad  
cantum.




Set bentuk  
permata.



Satu bentuk akan terhasil setelah semua kad dicantumkan.

## Sejarah Lagu Kebangsaan Malaysia

Lagu kebangsaan Malaysia menggunakan irama lagu kebesaran negeri Perak dan dicipta pada tahun 1957 bersempena dengan sambutan kemerdekaan negara.



### Negaraku Lagu Kebangsaan Malaysia

Lagu kebangsaan Malaysia yang bertajuk *Negaraku* menjadi identiti negara Malaysia.

### Menghayati Maksud Lagu Kebangsaan

Maksud lirik lagu kebangsaan adalah untuk menyeru rakyat supaya hidup bersatu padu dan memohon rahmat daripada Tuhan untuk kesejahteraan raja yang memerintah rakyat serta negara.

#### Maksud Lirik Lagu Negaraku

Menyeru rakyat daripada pelbagai bangsa dan agama supaya hidup bersatu padu untuk mencapai kemajuan.

Memohon rahmat dan kebahagiaan daripada Tuhan untuk kesejahteraan raja yang memerintah rakyat serta negara.



### Etika Nyanyian Lagu Kebangsaan

Etika nyanyian lagu kebangsaan termasuklah berdiri tegak, merapatkan kaki, menyanyi dengan jelas, serentak, bersemangat dan tidak bermain-main semasa bernyanyi.

### Lagu Negaraku Membentuk Jati Diri

Lagu kebangsaan dapat melahirkan individu yang berusaha memajukan diri, mencintai perpaduan serta setia kepada raja dan negara.



Pengetahuan tentang lagu kebangsaan Malaysia dapat memupuk perasaan bangga terhadap identiti negara. Unit seterusnya murid akan mempelajari dan memahami tajuk bahasa kebangsaan.



## AKTIVITI

Dengan menggunakan pelbagai sumber:

- Cari dan tulis lirik lagu negeri anda.



Lirik Lagu Negeri \_\_\_\_\_.

---

---

---

---

---

---

---

- Kaji maksud lirik lagu negeri anda dan nyatakan maksud lirik lagu tersebut.



---

---

---

- Berdasarkan kajian terhadap maksud lirik lagu negeri, nyatakan nilai yang anda peroleh daripada lagu tersebut.



---

---

---

---

---

# CINTA AKAN NEGARA



Memahami sejarah, lirik, etika dan kepentingan lagu kebangsaan dapat memupuk perasaan sayang akan negara serta mendorong pembentukan jati diri.



Kemajuan dan perpaduan yang dicapai negara pada hari ini ialah hasil usaha warganegara yang cinta akan tanah airnya.

(Sumber: Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka)

**Diri**  
Berdiri tegak semasa menyanyikan lagu *Negaraku* ialah bukti seseorang menghormati lagu kebangsaan.

**Masyarakat**  
Masyarakat perlu menghayati lagu kebangsaan untuk sentiasa menyemarakkan patriotisme.

**Negara**  
Semangat patriotik dalam kalangan warganegara dapat membentuk negara yang maju dan harmoni.

**UNIT  
11**

# BAHASA KEBANGSAAN

## GERAKAN DEKAD BAHASA KEBANGSAAN

### Ikrar Setia Bahasa

Kami rakyat Malaysia  
Berikrar akan terus memperjuangkan  
bahasa Melayu sebagai;

Bahasa yang mencipta kedaulatan negara,  
bahasa kesatuan politik,  
ekonomi, budaya, sosial, pendidikan,  
sains dan teknologi  
serta pembangunan negara  
bagi menjamin  
kelangsungan bangsa Malaysia

Bahasa yang menjaga dan memupuk  
kebebasan intelektual serta memerdekaakan  
pemikiran bangsa dan

Bahasa yang membawa, memelihara, mencipta,  
serta mengembangkan ilmu dan tamadun negara  
hingga ke peringkat dunia.

Sesungguhnya kami bertekad akan  
meneruskan perjuangan ini.



### Sinopsis

Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan negara kita. Penggunaan bahasa kebangsaan dapat memupuk semangat patriotik dan jati diri bangsa. Unit ini akan membincangkan kedudukan bahasa kebangsaan dan bahasa lain dalam Persekutuan, menyatakan peranan bahasa kebangsaan, menerangkan institusi yang terlibat untuk mempertahankan kedudukan bahasa kebangsaan serta menghuraikan cabaran penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.



## Apakah yang akan anda pelajari?

1. Kedudukan bahasa kebangsaan dan bahasa lain dalam Perlembagaan Persekutuan.
2. Peranan bahasa kebangsaan.
3. Institusi yang terlibat bagi mempertahankan kedudukan bahasa kebangsaan.
4. Cabaran penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.



# BULAN BAHASA KEBANGSAAN

بُولَنْ بِهَاسْ كِبْخْسَانْ

Peringkat Sekolah

Anjuran bersama



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



Dewan Bahasa  
dan Pustaka



Sekolah Kebangsaan (1)  
Jalan Batu Tiga, Klang,  
Selangor Darul Ehsan.



**NILAI TERAS SIVIK**

Kasih sayang



## Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

1. Meneroka kepentingan bahasa kebangsaan dalam Perlembagaan Persekutuan.
2. Memahami susunan dan konversi (pertukaran) masa berkenaan dengan peranan bahasa kebangsaan.
3. Memahami isu dan masalah pada masa lalu bagi meningkatkan kesedaran tentang kedudukan dan kepentingan bahasa kebangsaan.
4. Menerangkan perubahan dan kesinambungan berkaitan dengan cabaran bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.



# Kedudukan Bahasa Kebangsaan

Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara kita. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi termaktub dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. Kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu diwartakan dalam Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996. Pada masa yang sama, masyarakat pelbagai kaum di Malaysia boleh menggunakan bahasa lain seperti bahasa Mandarin, bahasa Tamil dan bahasa Inggeris dalam komunikasi harian mereka.

1

Selamat pagi, semua. Bulan ini sekolah kita mengadakan sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan peringkat sekolah. Kelab Sejarah juga terlibat dalam sambutan ini.

## Perkara 152. Bahasa kebangsaan.

- (II) Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen:

Dengan syarat bahawa -  
(a) tiada seorang pun boleh dilarang atau dihalang daripada menggunakan (selain bagi maksud rasmi), atau daripada mengajar atau belajar, apa-apa bahasa lain;

(Sumber: Asmah Haji Omar, 2015. *Dasar Bahasa Kebangsaan: Sejarah Memartabatkan Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)

6

Ya, boleh, Wilson. Seperti yang tertulis dalam buku ini, bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan tetapi bahasa lain masih boleh digunakan dalam komunikasi harian mereka.



## Cepat Jawab

Apakah bahasa kebangsaan negara kita?

2

Menariknya, Dayang Zetty. Saya pernah menghadiri sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan peringkat negeri Selangor pada tahun lepas di Shah Alam. Sambutan tersebut menggunakan bahasa Melayu.

3

Elizabeth, mengapakah bahasa Melayu menjadi bahasa komunikasi semasa sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan?

4

Saya tolong jawabkan. Bahasa Melayu menjadi bahasa komunikasi kerana bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan negara kita.

5

Beginu rupanya. Patutlah dalam setiap acara rasmi negara menggunakan bahasa Melayu. Adakah kita masih boleh menggunakan bahasa lain selain bahasa kebangsaan?

Bahasa kebangsaan merupakan warisan negara yang mesti dibanggakan. Setiap warganegara haruslah menggunakan dan menghormati bahasa kebangsaan.



## Peranan Bahasa Kebangsaan

Bahasa kebangsaan mempunyai pelbagai peranan untuk membangunkan negara. Sebagai rakyat Malaysia, kita mesti yakin dan bangga untuk menggunakan bahasa kebangsaan dalam komunikasi pada setiap masa.

### PERANAN BAHASA KEBANGSAAN



#### Lambang Jati Diri

Bahasa kebangsaan berperanan sebagai lambang negara Malaysia di persada dunia dan perakuan jati diri rakyat Malaysia.



#### Asas Pembinaan Negara

Masyarakat berbilang kaum memerlukan satu bahasa yang difahami oleh semua kaum sebagai panduan.



Apakah peranan keluarga untuk membentuk penggunaan bahasa kebangsaan yang betul?



#### Cepat Jawab

Apakah bahasa yang digunakan dalam urusan rasmi di mahkamah?



#### AKTIVITI

Dengan menggunakan pelbagai sumber, nyatakan kepentingan menggunakan bahasa kebangsaan dengan betul dalam pertuturan dan penulisan.

## Bahasa Persuratan

Bahasa kebangsaan digunakan dalam karya persuratan. Contohnya, pantun, syair dan novel.

## Bahasa Perhubungan



Bahasa kebangsaan merupakan bahasa komunikasi antara masyarakat berbilang kaum di negara kita dan peringkat serantau.

## Bahasa Undang-undang



Bahasa kebangsaan digunakan dalam urusan rasmi di mahkamah.

## Bahasa Ekonomi



Bahasa kebangsaan digunakan dalam kegiatan ekonomi di negara kita.

## Bahasa Pentadbiran



Bahasa kebangsaan digunakan dalam urusan rasmi seperti mesyuarat, kursus, taklimat, bengkel dan surat-menjurat.

## Bahasa Pendidikan



Bahasa kebangsaan merupakan bahasa pengantar dan penyampaian maklumat dalam sistem pendidikan negara kita.

(Sumber: Asmah Haji Omar, 2015. *Dasar Bahasa Kebangsaan: Sejarah Memartabatkan Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)

Setiap individu haruslah memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan negara. Bahasa kebangsaan merupakan alat perhubungan bagi mengeratkan perpaduan dalam kalangan masyarakat.

9.4.2  
K9.4.6



Bimbing murid memahami peranan bahasa kebangsaan.



# Institusi yang Mempertahankan Kedudukan Bahasa Kebangsaan

Bahasa kebangsaan dapat memupuk semangat cinta akan negara dalam kalangan masyarakat. Pelbagai langkah dan usaha yang berterusan telah diambil untuk memartabatkan bahasa kebangsaan.

## INSTITUSI DAN USAHA MEMARTABATKAN BAHASA KEBANGSAAN



### Dewan Bahasa dan Pustaka

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ditubuhkan pada tahun 1956. Antara fungsi penubuhan DBP termasuklah:

- ▶ Membina dan memperkaya bahasa kebangsaan dalam semua bidang.
- ▶ Menerbitkan pelbagai bahan bacaan dalam bahasa kebangsaan.
- ▶ Membakukan ejaan, sebutan dan membentuk istilah.
- ▶ Menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul dalam semua urusan.



### Sistem Pendidikan

- ▶ Penyata Razak (1956) menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar di sekolah kebangsaan.
- ▶ Penyata Rahman Talib (1960) menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar di sekolah dan universiti.
- ▶ Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 diwujudkan.



### Universiti Kebangsaan Malaysia

- ▶ Universiti Kebangsaan Malaysia ditubuhkan pada tahun 1970 bagi memartabatkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu.



#### Cepat Jawab

Bilikah Universiti Kebangsaan Malaysia ditubuhkan?



## Bulan Bahasa Kebangsaan

- ▶ Bulan Bahasa Kebangsaan disambut pada setiap bulan Oktober untuk menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan dalam kalangan masyarakat.



## DEKAD BAHASA KEBANGSAAN

### Dekad Bahasa Kebangsaan

- ▶ Memperkasakan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang mencakupi pelbagai bidang dan sektor di Malaysia.

## MBMMBI

MEMARTABATKAN BAHASA MALAYSIA  
MEMPERKUKUH BAHASA INGGERIS

### MBMMBI

- ▶ Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia, Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) diperkenalkan pada tahun 2012.



Mengapakah kita perlu memartabatkan bahasa kebangsaan?

Memartabatkan bahasa kebangsaan merupakan tanggungjawab semua dan perlu disemai dalam kalangan masyarakat. Bahasa kebangsaan mencerminkan jati diri dan identiti negara.

q.4.3  
K9.4.7

Nota  
Guru

Bimbing murid memahami institusi yang terlibat untuk memartabatkan bahasa kebangsaan.





## Cabaran Penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan

Rakyat Malaysia tanpa mengira kaum haruslah fasih menggunakan bahasa kebangsaan. Penggunaan bahasa kebangsaan yang menyeluruh dapat melahirkan sebuah negara maju. Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan yang digunakan dalam urusan rasmi. Walaupun terdapat pelbagai cabaran, kedudukan dan penggunaan bahasa kebangsaan perlu diperkuuh supaya fungsinya sejajar sebagai identiti negara.

### Komunikasi Harian

Bahasa Melayu sering kali digunakan bersama-sama dengan bahasa lain dalam komunikasi harian. Sebagai rakyat, kita perlu mengutamakan penggunaan bahasa Melayu.

## CABARAN PENGGUNAAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN

### Sikap Penutur

Sikap penutur yang malu atau tiada kesungguhan lebih menyukarkan usaha untuk memartabatkan bahasa kebangsaan. Setiap rakyat Malaysia mesti yakin dengan keupayaan dan kemampuan bahasa kebangsaan.



(Sumber: Asmah Haji Omar, 2015. *Dasar Bahasa Kebangsaan: Sejarah Memartabatkan Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)



Bantu murid memahami cabaran penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

## Bidang Teknologi Maklumat

Teknologi maklumat pada masa ini amat penting. Kebanyakan alat dan aplikasi teknologi maklumat menggunakan bahasa Inggeris.



## Latar Belakang Keluarga

Ibu bapa atau keluarga perlu memberikan semangat dan tunjuk ajar kepada anak-anak dalam penggunaan bahasa kebangsaan yang betul.



## Bidang Pendidikan

Cabarannya dalam penggunaan bahasa kebangsaan dalam kalangan murid wujud kerana mereka cenderung menggunakan bahasa ibunda atau dialek mereka semasa proses pembelajaran.



## Penggunaan Bahasa Rojak

Penggunaan bahasa kebangsaan dalam sesuatu majlis atau media sosial banyak mencampuradukkan bahasa. Penyusunan ayat, kosa kata dan sebutan sering disalahgunakan oleh masyarakat.

### Glosari

**Bahasa Rojak:** Bahasa yang bercampur aduk kata-kata yang digunakan oleh penuturnya.

Sebagai warganegara Malaysia, kita seharusnya berbangga dan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan serta identiti negara. Walaupun terdapat banyak cabaran, kita haruslah sentiasa berusaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.



## Bahasa Jiwa Bangsa

Lagu *Bahasa Jiwa Bangsa* merupakan lagu yang dicipta untuk menaikkan semangat menggunakan bahasa kebangsaan. Melalui lirik lagu tersebut, kita dapat fahami bahawa lagu *Bahasa Jiwa Bangsa* menyeri rakyat Malaysia agar menggunakan bahasa kebangsaan dalam kehidupan harian. Melalui bahasa, rakyat yang berbilang kaum dapat disatukan.



### LAGU BAHASA JIWA BANGSA

Gunakanlah bahasa kebangsaan kita  
Marilah amalkan ramai-ramai  
Bahasalah menyatukan kita semua  
Yakinlah bahasa jiwa bangsa

Marilah mari rakyat semua  
Buktikan taat setia dengan satu bahasa  
Maju bangsa dan maju negara  
Megahkan bahasa kita  
Bahasa jiwa bangsa

Lagu/lirik: Dol Ramli



Lagu *Bahasa Jiwa Bangsa*.



Mengapakah bahasa kebangsaan dikatakan bahasa jiwa bangsa?

Rakyat Malaysia haruslah menguasai bahasa kebangsaan. Penggunaan bahasa kebangsaan membuktikan rakyat bersatu serta memahami antara satu sama yang lain. Kita seharusnya yakin dan bangga untuk menggunakan bahasa kebangsaan walau di mana-mana kita berada.



## Kedudukan Bahasa Kebangsaan

- ★ Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara.
- ★ Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi termaktub dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.
- ★ Masyarakat pelbagai kaum di Malaysia boleh menggunakan bahasa lain dalam komunikasi harian mereka.

## Peranan Bahasa Kebangsaan

- |   |  |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>★ Asas pembinaan negara.</li><li>★ Lambang jati diri.</li><li>★ Bahasa pentadbiran.</li><li>★ Bahasa undang-undang.</li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>★ Bahasa perhubungan.</li><li>★ Bahasa ekonomi.</li><li>★ Bahasa suratan.</li><li>★ Bahasa pendidikan.</li></ul> |
|---|--|

## Institusi dan Usaha Memartabatkan Bahasa Kebangsaan

- ★ Sistem pendidikan.
- ★ Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ★ Universiti Kebangsaan Malaysia.
- ★ Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia, Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMBBI).
- ★ Bulan Bahasa Kebangsaan.
- ★ Dekad Bahasa Kebangsaan.

## Cabarang Penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan

- ★ Penggunaan bahasa rojak.
- ★ Dalam bidang pendidikan.
- ★ Sikap penutur.
- ★ Latar belakang keluarga.
- ★ Bidang teknologi maklumat.
- ★ Komunikasi harian.

Unit ini telah memberikan pemahaman tentang kedudukan, peranan, cabaran dan institusi yang mempertahankan bahasa kebangsaan negara kita. Murid akan mempelajari dan memahami bunga kebangsaan dalam unit seterusnya.



## FIKIR DAN JAWAB

A. Nyatakan peranan bahasa kebangsaan untuk membangunkan negara.



B. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- 1 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah meletakkan bahasa Melayu sebagai \_\_\_\_\_.
- 2 Bahasa kebangsaan mesti digunakan dalam urusan \_\_\_\_\_ seperti mesyuarat atau taklimat.
- 3 Masyarakat pelbagai kaum di Malaysia \_\_\_\_\_ menggunakan bahasa lain.
- 4 Bulan Bahasa Kebangsaan disambut pada bulan \_\_\_\_\_ pada setiap tahun.
- 5 Lagu *Bahasa Jiwa Bangsa* menyeru rakyat Malaysia agar menggunakan bahasa \_\_\_\_\_ dalam kehidupan.

# CINTA AKAN NEGARA



Masyarakat yang menggunakan bahasa kebangsaan dengan betul dapat menjadikan bahasa kebangsaan sebagai identiti negara yang dibanggakan.



Universiti Hankuk, Korea Selatan



Universiti Ohio, Amerika Syarikat



Universiti Victoria, Wellington, New Zealand



Universiti Pengajian Asing, Beijing, China

Antara universiti di luar negara yang menawarkan pengajian bahasa Melayu.

(Sumber: Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka)

## Diri

Menguasai dan menjawai bahasa kebangsaan dapat menanam jati diri dan cinta akan negara.

## Masyarakat

Semangat cinta akan negara dapat melahirkan masyarakat yang saling menghormati dan bersatu padu.

## Negara

Masyarakat yang bersatu padu dapat mewujudkan negara yang dihormati seluruh dunia.

# BUNGA RAYA BUNGA KEBANGSAAN



## Sinopsis

Bunga raya merupakan bunga kebangsaan negara kita. Unit ini membincangkan latar belakang pemilihan bunga raya sebagai bunga kebangsaan, nama dan makna warna merah bunga raya serta perlambangan kelopak bunga kebangsaan dengan prinsip Rukun Negara.



## NILAI TERAS SIVIK



## Kegembiraan



## Apakah yang akan anda pelajari?

1. Latar belakang pemilihan bunga raya sebagai bunga kebangsaan.
2. Nama dan makna warna merah bunga raya.
3. Perlambangan bunga raya dengan prinsip Rukun Negara.



## Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

1. Memahami kronologi pemilihan bunga raya sebagai bunga kebangsaan.
2. Membuat interpretasi tentang nama dan makna warna merah pada bunga raya.
3. Membuat perkaitan antara bilangan kelopak bunga raya dengan prinsip Rukun Negara.





## Istimewanya Bunga Raya

Bunga raya merupakan bunga kebangsaan Malaysia. Bunga raya dipilih kerana keunikannya yang tidak terdapat pada bunga-bunga yang lain.



Pada tahun 1958, Kementerian Pertanian meminta cadangan nama bunga sebagai bunga kebangsaan daripada semua kerajaan negeri.



Tujuh jenis bunga dicadangkan untuk dipilih sebagai bunga kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu. Antaranya termasuklah **bunga raya**, bunga kenanga, bunga melur, bunga sempaka, bunga teratai, bunga mawar dan bunga tanjung.



### AKTIVITI PAK-21

#### Jaring Kata Kumpulan (Team Word-Web)

1. Bentuk empat kumpulan.
2. Ketua kumpulan menulis topik “Kepentingan Bunga Raya sebagai Bunga Kebangsaan”.
3. Setiap ahli kumpulan menulis idea mengikut warna pen yang berbeza. Bentangkannya.



Jika diberi pilihan, apakah bunga pilihan anda sebagai bunga kebangsaan? Berikan alasan.



Selepas pertimbangan yang teliti, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj,

Perdana Menteri pertama, memilih bunga raya merah.

Bunga raya merah diisytiharkan sebagai bunga kebangsaan pada 28 Julai 1960.



Bunga raya merah dipilih kerana:

- Warna dan bentuknya yang menyerlah.
- Nama yang seragam di seluruh negara.
- Mudah didapati di seluruh negara.
- Berbunga sepanjang tahun.
- Belum menjadi bunga kebangsaan untuk negara lain pada ketika itu.

(Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia, 2019. *Malaysia Focus, 62 Years Hari Merdeka, The Story of Malaysia Independence, Volume 2/2019*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia)

Bunga raya sebagai bunga kebangsaan sangat sesuai dijadikan sebagai identiti negara. Selepas penyertaan Sarawak dan Sabah dalam Malaysia pada tahun 1963, bunga raya dikekalkan sebagai bunga kebangsaan.



### Cepat Jawab

Bilakah bunga raya diisytiharkan sebagai bunga kebangsaan?

9.5.1  
K9.5.4



### TAHUKAH ANDA?

- Nama saintifik bunga raya ialah *Hibiscus rosa-sinensis*.
- Di Malaysia sahaja, terdapat hampir 300 spesies *Hibiscus*.



## Bunga Raya Merah Membara

Bunga raya merah dipilih sebagai bunga kebangsaan kerana warnanya. Warna merah melambangkan semangat waja, warganegara cemerlang dan keberanian.

### Bunga Raya Merah Bermakna

Bunga raya bunga kebangsaan,  
Rona merah jadi pilihan,  
Penuh simbolik teras kehidupan,  
Jadi panduan untuk kejayaan.

Merah bererti **semangat waja**,  
Tersemat di jiwa rakyat jelata,  
**Warganegara cemerlang** juga maksudnya,  
Mendukung segala aspirasi negara.

Merah membara lambang **keberanian**,  
Berjiwa kental hadapi cabaran,  
Rakyat maju tanpa halangan,  
Makmur negara satu haluan.

Warna merah melambangkan nilai yang harus ada pada setiap rakyat demi menaikkan nama negara di persada dunia.



Nyatakan kepentingan warna merah pada diri anda.

### Glosari

**Simbolik:** Lambang  
**Rona:** Warna



Semangat waja

(Sumber: Persekutuan Bola Keranjang Kerusi Roda Malaysia)



Warganegara cemerlang

(Sumber: Tvetmara)



Keberanian

(Sumber: Borneo Post, 13 Oktober 2012)



### AKTIVITI PAK-21

#### Pembelajaran Berlirik (*Lyric Lesson*)

Secara berpasangan, alunkan syair di atas dengan intonasi yang betul.



### Cepat Jawab

Senaraikan tiga maksud warna merah pada bunga raya.




## AKTIVITI

### Permainan Damak Bermagnet Bunga Raya

#### Cara Bermain:

1. Permainan ini dimainkan secara berkumpulan.
2. Pemain pertama akan melontarkan damak pada papan damak.
3. Pemain akan mengambil kad soalan berdasarkan warna petak tersebut dan menjawab soalan.
4. Sekiranya damak melekat pada petak "Misteri", pemain akan mengambil soalan daripada guru.
5. Sekiranya pemain memberikan jawapan yang betul, markah akan diberikan.
6. Jika jawapan salah, soalan tersebut akan dibuka kepada ahli kumpulan yang lain untuk menjawabnya.
7. Separuh markah akan diberikan kepada kumpulan yang berjaya menjawab soalan tersebut.
8. Kumpulan yang mendapat markah tertinggi ialah pemenang.



#### Contoh kad soalan

Siapakah yang memilih bunga raya merah sebagai bunga kebangsaan?

#### Contoh kad misteri

Nyatakan tiga maksud warna merah pada bunga raya.



- Sediakan soalan bagi kad soalan dan kad misteri.
- Sediakan papan damak dan damak bermagnet.



## Bunga Raya dan Rukun Negara

Lima kelopak bunga raya melambangkan lima prinsip Rukun Negara. Rukun Negara merupakan ideologi kebangsaan bagi membentuk semangat perpaduan rakyat Malaysia.



Kepercayaan  
kepada Tuhan




5  
Kesopanan  
dan  
Kesusilaan




### AKTIVITI PAK-21 Fikir-Pasang-Kongsi (Think-Pair-Share)

1. Secara individu, cari maklumat kepentingan bunga raya sebagai lambang perpaduan.
2. Kemudian, secara berpasangan, bincangkan dapatkan maklumat tersebut.
3. Ahli kumpulan akan berkongsi jawapan melalui pembentangan MS PowerPoint.




2

Kesetiaan  
kepada Raja  
dan Negara



3

Keluhuran  
Perlembagaan



4

Kedaulatan  
Undang-undang



9.5.3  
K9.5.5

Nota  
Guru

Bimbing murid memahami perkaitan antara lima kelopak bunga raya dengan lima prinsip Rukun Negara.



### PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

CETAKAN SEMULA

Sebagaimana pada 1 November 2010

Teks ini HANYAHLAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Pegawai Negara bagi Federal Constitution. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sah di bawah Perkara 160a Perlembagaan Persekutuan, teks ini bukan perundangan.

DIGITAL DESIGN: PUSATKUAN  
YANG DI-PERINTAH ANGGOTA  
MINISTERI PERKARA 160a  
PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Rukun Negara menyatupadukan semua rakyat tanpa mengira bangsa dan agama. Setiap kelopak bunga raya mengingatkan kita untuk mendukung prinsip-prinsip Rukun Negara pada setiap masa.

### Glosari

**Ideologi:** Pegangan atau fahaman.



### Cepat Jawab

Nyatakan prinsip Rukun Negara.



## Megahnya Lambang Bunga Raya

Sebagai identiti negara, bunga raya digunakan secara meluas dalam urusan rasmi dan tidak rasmi. Nama dan gambar bunga raya dijadikan sebagai simbol, logo dan hiasan dalam kehidupan.

### Kegunaan Simbol Bunga Raya dalam Kehidupan Rakyat Malaysia



Muskat Yang di-Pertuan Agong



Jata Negeri Sarawak



Wang kertas dan syiling



Sukan



### AKTIVITI PAK-21 Peta Pemikiran (*Thinking Map*)

- I. Melalui pelbagai sumber, dapatkan contoh-contoh penggunaan simbol bunga raya dalam kehidupan harian.
2. Bentangkan dalam bentuk peta pemikiran yang sesuai.



Setem



Tahun Melawat Malaysia



Nama jalan



Logo sekolah

Penggunaan simbol bunga raya mengingatkan kita tentang Rukun Negara. Sebagai warganegara kita haruslah menggunakan simbol bunga raya dengan bertanggungjawab.



### Cepat Jawab

Apakah kegunaan simbol bunga raya dalam kehidupan rakyat Malaysia?

9.5.3  
K9.5.6



Bimbang murid memahami penggunaan bunga raya dalam urusan rasmi negara.






## JOM BUAT

### Alatan dan Bahan

Batu berbentuk leper  
Krayon  
Cat air  
Berus  
Pengilat kuku (jernih)



1

Lukiskan bentuk bunga raya dengan menggunakan krayon pada batu leper.



2

Warnakan bunga raya dengan cat air secara kreatif. Keringkan.



3

Sapukannya dengan pengilat kuku. Keringkan semula.



4

Pemberat kertas yang telah siap.



### Istimewanya Bunga Raya

Bunga raya merah dipilih kerana:

- Warna dan bentuknya yang menyerlah.
- Nama yang seragam di seluruh negara.
- Mudah didapati di seluruh negara.
- Berbunga sepanjang tahun.
- Belum menjadi bunga kebangsaan untuk negara lain pada ketika itu.

### Megahnya Lambang Bunga Raya

Sebagai identiti negara, nama dan gambar bunga raya digunakan dalam urusan rasmi dan tidak rasmi.

### Bunga Raya Merah Membara

Warna merah pada bunga raya membawa maksud:

- Warganegara cemerlang.
- Keberanian.
- Semangat waja.



### Bunga Raya dan Rukun Negara

Lima kelopak bunga raya melambangkan lima prinsip Rukun Negara:

- Kepercayaan kepada Tuhan.
- Kesetiaan kepada Raja dan Negara.
- Keluhuran Perlembagaan.
- Kedaulatan Undang-undang.
- Kesopanan dan Kesusahaaman.


Unit ini memberikan pemahaman tentang bunga raya sebagai satu daripada identiti negara tercinta. Pengetahuan ini dapat menanamkan rasa hormat dan cinta akan negara dalam diri rakyat Malaysia.



## FIKIR DAN JAWAB

Jawab semua soalan.

**A** Lengkapkan silang kata di bawah.



### Menegak

- 1 Bunga raya ialah simbol \_\_\_\_\_ rakyat Malaysia.
- 2 Bunga raya mempunyai nama yang \_\_\_\_\_.
- 3 Gambar bunga raya digunakan sebagai \_\_\_\_\_.
- 4 Rakyat Malaysia harus memiliki \_\_\_\_\_ waja.
- 5 Warna \_\_\_\_\_ melambangkan keberanian.
- 6 Bunga kebangsaan diisytiharkan pada bulan \_\_\_\_\_ 1960.

### Melintang

- 7 Bunga \_\_\_\_\_ ialah bunga kebangsaan Malaysia.
- 8 Bunga raya melambangkan lima prinsip \_\_\_\_\_ Negara.
- 9 \_\_\_\_\_ Malaysia harus menghormati bunga kebangsaan.
- 10 Jumlah bunga yang dicadangkan sebagai bunga kebangsaan.



- Minta murid menjawab soalan.
- Banyakkan halaman ini.

**B**

Susun peristiwa pengisytiharan bunga raya sebagai bunga kebangsaan mengikut kronologi yang betul.

### Peristiwa

Pada 28 Julai 1960, bunga raya diisyiharkan sebagai bunga kebangsaan.

Pada tahun 1958, Kementerian Pertanian meminta kerajaan negeri untuk mencadangkan nama bunga sebagai bunga kebangsaan.


Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj memilih bunga raya merah.

Tujuh jenis bunga dicadangkan untuk dipilih sebagai bunga kebangsaan.

### Susunan

**C**

Tulis lima prinsip Rukun Negara dengan betul.



# CINTA AKAN NEGARA



Kita harus berbangga kerana bunga raya dijadikan sebagai identiti negara. Bunga raya ialah lambang perpaduan kaum. Keamanan dan keharmonian negara terjamin apabila masyarakat Malaysia bersatu padu.

## LIS PELANCARAN Bunga Raya Bunga Kebangsaan

Disempurnakan oleh

BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG  
SULTAN HASSANUL BUDIKA IBNI AL-MARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFFI BILLAH SHAH



(Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia)

### Diri

Warna merah pada bunga raya melambangkan semangat waja yang dapat memupuk rasa bangga terhadap negara.

### Masyarakat

Kemajuan dalam kalangan masyarakat dapat dicapai dengan mengamalkan semangat waja.

### Negara

Sikap toleransi dalam masyarakat mewujudkan keamanan dan kemakmuran negara.



## SENARAI RUJUKAN

- A. Samad Ahmad (peny.), 1996. *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd. Manaf Haji Ahmad, 2009. *Kontrak Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Aziz Bari, 2006. *Majlis Raja-Raja: Kedudukan dan Peranan dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Haji Ismail dan Azmi Ariffin (ed.), 2016. *Sejarah Malaysia: Wacana Kedaulatan Bangsa, Kenegaraan dan Kemerdekaan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Abdul Rahman Haji Abdullah, 2016. *Gerakan Penjajahan dan Anti Penjajahan Tanah Melayu, 1511–1957*. Kuala Lumpur: Karya Bestari.
- Abdullah Zakaria Ghazali, 1996. *Terengganu Tokoh Pentadbiran dan Perjuangan*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Abdullah Zakaria Ghazali, 1997. *Pasir Salak: Pusat Gerakan Menentang British di Perak*. Ipoh: Yayasan Perak.
- Abdullah Zakaria Ghazali, 1997. *Penghulu Dol Said dalam Melaka dan Sejarahnya*. Melaka: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka.
- Andaya, B.W. dan Leonard, Y.A., 1983. *Sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Macmillan Publishers.
- Arkib Negara Malaysia, 2013. *Arkib Warisan Eksklusif*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Arkib Negara Malaysia, 2013. *Citra Merdeka 1957–2007*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Arkib Negara Malaysia, 2017. *Persekutuan Tanah Melayu 1948: Asas Negara Merdeka*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Asmah Haji Omar, 2007. "Taksonomi Pertemuan Bahasa: Di Manakah Letaknya Bahasa Rojak?". Kertas kerja dalam Seminar Bahasa Rojak: Keceluaran Penggunaan Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 18–19 Julai 2007.
- Asmah Haji Omar, 2015. *Dasar Bahasa Kebangsaan: Sejarah Memartabatkan Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2015. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2015. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmah Abdul Manaf, 2001. *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Buyong Adil, 1974. *Sejarah Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyong Adil, 1981. *Sejarah Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyong Adil, 1981. *Sejarah Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dayu Sansalu, 2017. *DSP Ontoros @ Antenom: Pahlawan Terbilang Bangsa Murut*. Kota Kinabalu: Pusaka.
- Emerson, R., 1982. *Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gopinath, A., 1993. *Sejarah Politik Pahang 1880–1935*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa, 2005. *Pemerkasaan Tamadun Melayu Malaysia: Menghadapi Globalisasi Barat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hassan Ahmad (ed.), 2003. *Undang-undang Melaka dan Undang-undang Laut*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.

- Hassan Ahmad. "Lidah Terputus, Bahasa dan Bangsa Pupus" dlm. *Dewan Bahasa*, Jilid 9. Bil. 4, April 2009.
- Ishak Saat, 2011. *Radikalisme Melayu Perak 1945–1970*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia
- Ismail Hussein, 1984. *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Penerangan Malaysia, 2017. *Raja Payung Negara Daulat Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Jabatan Penerangan Malaysia, 2019. *Malaysia Focus, 62 Years Hari Merdeka, The Story of Malaysia Independence, Volume 2/2019*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Jabatan Penerangan Malaysia, 2019. *Raja dan Rakyat Berpisah Tiada*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Khairil Annas Jusoh, 2014. *Dustur Wa Salatin: Perlembagaan dan Para Sultan*. Shah Alam: Yayasan Penyelidikan Transformasi.
- Mohd Rosmizi Abd Rahman et al., 2011. *Agama-agama di Dunia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhammad Yusoff Hashim, 2008. *Tun Perak dalam Sejarah dan Dinamisme Ketamadunan Bangsa*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Muhammad Yusoff Hashim, 1980. "Islam dalam Sejarah Perundangan Melaka di Abad ke-15/16", dlm. Khoo Kay Kim (ed.) *Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Persatuan Sejarah Malaysia.
- Nik Anuar Nik Mahmud, 1999. *Tok Janggut Pejuang atau Penderhaka?*. Bangi: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. "Sejarah Tulisan Jawi melalui Kajian Arkeologi di Alam Melayu" dlm. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, Bil. 22, 2009.
- Nik Safiah Karim, 2004. *Bahasa Melayu Sedekad Lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, 2011. *Perancangan Bahasa: Ideologi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam, 1994. *Dato' Onn Jaafar Pengasas Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam, 1999. *Sumbanganmu Dikenang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam, 2003. *Pejuang-pejuang Kemerdekaan*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Sayyidah Nur Najwa, 2014. *Bunga Raya, Bunga Kebangsaan, Siri Keunikan Bunga-bungaan*. Kuala Lumpur: Penerbitan D.E.
- Sulaiman Zakaria, 1993. *Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Mutiara.
- Syed Idrus Syed Ahmad Syed dan R. Santhiram, 1990. *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tan Yao Sua, 2010. *Isu Bahasa, Etnik dan Pembinaan Negara Bangsa dalam Sistem Pendidikan Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Wan Norhasniah Wan Husin, 2012. *Peradaban dan Perkauman, Hubungan Etnik Melayu–Cina*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.



Senarai kod gambar Arkib Negara Malaysia  
dan maklumat lain dari semasa ke semasa.